

# Kajian penggunaan sumber tenaga berkesan dalam RM-8

BH 16 AUG 2000

PELABUHAN KLANG, Selasa Kajian berhubung penggunaan sumber tenaga berkesan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RM-8), sejajar usaha memaksimumkan penggunaan sumber negara pada masa depan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, berkata kajian berkenaan ialah Strategi Tenaga Yang Diperbaharui Sebagai Bahan Api Kelima dan Strategi Tenaga Berkesan Kebangsaan akan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

"Kementerian sedang

dalam proses memasukkan kajian berkenaan dalam RM-8 dan Pelan Rangka Perspektif untuk jangka panjang," katanya pada majlis pelancaran Kempen Kesedaran Penjimatan dan Kecekapan Tenaga Westport, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Westport, Tan Sri G Gnanalingam dan Ketua Perkhidmatan Kororat Westport, Abdul Malik Abduj Rahman.

Tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan perlu kajian semula Polisi Tenaga Kebangsaan bagi membolehkan sistem pembekalan tenaga negara lebih mapan dicapai menjelang 2020.

Moggie berkata, untuk tujuan itu, Kementerian melancarkan program empat tahun di bawah Pusat Tenaga Malaysia (PTM) yang bertujuan menyediakan kepakaran teknikal bidang tenaga di negara ini.

Katanya, jika kedua-dua hasil kajian berkenaan dilaksanakan, pihaknya menjangkakan penggunaan tenaga dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus, sekali gus menjimatkan penggunaan bahan api negara bernilai RM833 juta.

Malah, katanya, sektor industri mampu menjimatkan kira-kira RM954 juta untuk tempoh lima tahun akan datang di samping mengurangkan pelepasan

gas karbon dioksida, sulfur dioksida dan nitrogen oksida yang mencemarkan alam sekitar.

Sementara itu, Abdul Malik, berkata menerusi kempen penjimatan penggunaan elektrik di Westport, pihaknya dijangka berjaya mengurangkan kos penggunaan elektrik untuk lampu dan alat pendingin hawa sebanyak 25 peratus tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Malik meminta Kementerian menimbangkan pemberian tarif istimewa kepada sektor pelabuhan memandangkan peranannya yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.